



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan
DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65

2hb Februari 2012

No. 3

No. 38.

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 Tahun 1965)

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] dan diwakilkan kepadanya menurut *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* No. 872 bertarikh 18 Disember 1980, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual A dan B untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) bersetentangan dengan nama mereka masing-masing.

2. Tugas orang yang dilantik untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual A adalah seperti yang berikut:

- (i) menandatangani permohonan ukur (P/U) dan rekuisisi keterangan hakmilik muktamad;
- (ii) menandatangani carian rasmi, salinan hakmilik, salinan surat cara dan salinan sulit cara dan salinan surat pendaftaran;
- (iii) memungut hasil tanah (kutipan luar);
- (iv) menandatangani Borang 4A, 4B dan 4C berkenaan Lesen Menduduki Sementara dan Permit Pengalihan Bahan Batuan yang telah diluluskan oleh Pentadbir Tanah;

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

88

[2hb Feb. 2012]

-
- (v) menyaksikan suratcara di bawah seksyen 211 Kanun Tanah Negara;
 - (vi) mendaftar dokumen hakmilik; dan
 - (vii) tugas lain yang diarah oleh Pentadbir Tanah dan Pengarah Negeri.

Pembatalan Pelantikan

3. Pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual B untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* yang dinyatakan dalam ruang (3) dibatalkan mulai tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan namanya dalam ruang (4).

JADUAL A

PENOLONG PEGAWAI TANAH

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Tarikh Pelantikan
Che Zainal bin Abu Bakar	Penolong Pentadbir Tanah Besut	1.8.2011
Mat Beyi bin Husin	Penolong Pentadbir Tanah Besut	1.4.2011
Mohd Nor bin Abd. Wahab	Penolong Pentadbir Tanah Besut	1.4.2011
Ab. Halim bin Mahmud	Penolong Pentadbir Tanah Dungun	1.7.2008
Mohamed Amin bin Ahmad	Penolong Pentadbir Tanah Hulu Terengganu	1.11.2011
Mohd Sidik bin Idris	Penolong Pentadbir Tanah Marang	1.11.2011

JADUAL B

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Warta	(4) Tarikh Pembatalan
Che Zainal bin Abu Bakar	Penolong Pentadbir Tanah Kemaman	No. 612 bertarikh 28.8.2003	1.8.2011

Bertarikh 8 Januari 2012
[PTG. Tr. 00/02/1998/2E/02;
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 25 (57)]

AZHAR BIN JUSOH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

2hb Feb. 2012]

89

In exercise of the powers conferred upon the State Authority under paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965] and delegated to him vide Terengganu Government *Gazette* No. 872 dated 18 December 1980, the State Secretary of Terengganu has appointed the persons named in column (1) of Schedule A to hold the post as specified in column (2) of the Schedule with effect from the dates mentioned in column (3) against his names respectively.

2. The duty of the person appointed to hold the post specified in column (2) of Schedule shall be as follows:

- (i) to sign application for survey (P/U) and requisition for final title (R/T);
- (ii) to sign copies of plan and official searches;
- (iii) to collect land revenues (outdoor collection),
- (iv) to sign form 4A, 4B and 4C in respect of Temporary Occupation License and permit for Removal of Rock Material which have been approved by Land Administrator
- (v) to attest instruments of dealings under Section 211 of the National Land Code;
- (vi) to register document of title; and
- (vii) other duties directed by Land Administrator and State Director.

Revocation of appointment

3. The appointment of the persons named in column (1) of Schedule B to hold the post as specified in column (2) of the Schedule as published in the Terengganu Government *Gazette* specified againsts their names in column (4).

SCHEDULE A

ASISSTANT LAND OFFICER

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Che Zainal bin Abu Bakar	Assistant Land Administrator of Besut	1.8.2011
Mat Beyi bin Husin	Assistant Land Administrator of Besut	1.4.2011
Mohd Nor bin Abd. Wahab	Assistant Land Administrator of Besut	1.4.2011
Ab. Halim bin Mahmud	Assistant Land Administrator of Dungun	1.7.2008

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

90

[2hb Feb. 2012]

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Mohamed Amin bin Ahmad	Assistant Land Administrator of Hulu Terengganu	1.11.2011
Mohd Sidik bin Idris	Assistant Land Administrator of Marang	1.11.2011

SCHEDULE B

(1) Name	(2) Post	(3) <i>Gazette</i>	(4) Date of Revocation
Che Zainal bin Abu Bakar	Assistant Land Administrator of Kemaman	No. 612 date 28.8.2003	1.8.2011

Bertarikh 8 January 2012 AZHAR BIN JUSOH
[PTG. Tr. 00/02/1998/2E/02; Secretary of the State Executive Council
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 25 (57)] Terengganu

No. 39.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN TUNGGAKAN SEWA

Kepada Paka Kerteh Sawmill Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 66/21 Tingkat Mezzanine, Taman Sri Intan, Jalan Sultan Omar, 20300, Kuala Terengganu. tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahwasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan, mulai 1 haribulan Jun, adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Dungun segala wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa/kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengistiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah berkenaan dilucutkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

2hb Feb. 2012]

91

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Mukim—Hulu Paka.

Perihal dan No. Hakmilik (1)	No. Lot (2)	Sewa tahun ini (3)	Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas (4)	Fee-fee dll. yang dikenakan sebagai sewa (5)	Tunggakan Fee/Fee-fee (6)	Jumlah kena dibayar (7)
		RM	RM	RM	RM	RM
PN. 3980	2014	3,272.00	36,104.00	Notis 6A 10.00	12,459.00	51,845.00

Bertarikh 18 Disember 2011
[PTD. 03/90/2009/0024(21)]

*Pentadbir Tanah
Dungun*

No. 40.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyiharkan dilucuthak menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa juga hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik yang keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Hulu Paka, Dungun. No. Lot—2052. Jenis dan No. Hakmilik—PN. 4225. Luas—5.462 hektar.

Bertarikh 5 Januari 2012
[PTD. 03/90/2009/0021(37)]

*Pentadbir Tanah
Dungun*

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

92

[2hb Feb. 2012]

No. 41.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik yang keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Pantai. No. Lot/P.T.—1108. Jenis dan No. Hakmilik—PM. 988. Luas—20,085.00 meter persegi.

Bertarikh 26 Disember 2011
[PTS. 07/98/2010/0010(22)]

*Pentadbir Tanah
Setiu*

No. 42.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik yang keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Pantai. No. Lot/P.T.—1102. Jenis dan No. Hakmilik—PM. 983. Luas—20,828.00 meter persegi.

Bertarikh 26 Disember 2011
[PTS. 06/98/2010/0005(24)]

*Pentadbir Tanah
Setiu*

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

2hb Feb. 2012]

93

No. 43.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik yang keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Pantai. No. Lot/P.T.—1100. Jenis dan No. Hakmilik—PM. 981. Luas—21,567.00 meter persegi.

Bertarikh 26 Disember 2011
[PTS. 06/98/2010/0011(22)]

*Pentadbir Tanah
Setiu*

No. 44.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik yang keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Pantai. No. Lot/P.T.—1653. Jenis dan No. Hakmilik—PM. 350. Luas—3,822.00 meter persegi.

Bertarikh 26 Disember 2011
[PTS. 06/98/2010/0012(22)]

*Pentadbir Tanah
Setiu*

No. 45.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucutahak menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucutahakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik yang keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Pantai. No. Lot/P.T.—1103. Jenis dan No. Hakmilik—PM. 984. Luas—21,604.00 meter persegi.

Bertarikh 26 Disember 2011
[PTS. 06/98/2010/0006(22)]

*Pentadbir Tanah
Setiu*

No. 46.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucutahak menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucutahakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik yang keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Pantai. No. Lot/P.T.—1105. Jenis dan No. Hakmilik—PM. 985. Luas—20,447.00 meter persegi.

Bertarikh 26 Disember 2011
[PTS. 06/98/2010/0007(20)]

*Pentadbir Tanah
Setiu*

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

2hb Feb. 2012]

95

No. 47.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik yang keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Pantai. No. Lot/P.T.—1107. Jenis dan No. Hakmilik—PM. 987. Luas—19,892.00 meter persegi.

Bertarikh 26 Disember 2011
[PTS. 06/98/2010/0009(23)]

*Pentadbir Tanah
Setiu*

No. 48.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik yang keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Pantai. No. Lot/P.T.—1106. Jenis dan No. Hakmilik—PM. 986. Luas—19,236.00 meter persegi.

Bertarikh 26 Disember 2011
[PTS. 06/98/2010/0008(23)]

*Pentadbir Tanah
Setiu*

No. 49.

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu A. Wahab bin Ismail K/P. 541226–11–5049 yang beralamat di Kampung Berangan Pak Ayu, Bukit Payung, 21400 Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

JADUAL

Mukim—Bukit Payung. No. Lot—12674. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 12854. Luas—7905 meter persegi.

Bertarikh 8 Januari 2012
[PTG. Tr. 06/55/2012/B/001]

RUSNI BINTI RUSDI
*Pendaftar Hakmilik
Terengganu*

No. 50.

(Seksyen 175A)

**NOTIS BERHUBUNG DENGAN PENYEDIAAN DAFTAR
SEMENTARA DOKUMEN HAKMILIK**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Bab 4 Bahagian Sepuluh Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menyediakan sesuatu dokumen hakmilik daftar sementara berhubung dengan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dokumen hakmilik daftar strata telah diakui hilang.

2. Selepas penyiaran notis ini dalam *Warta*, tiada Pendaftar atau Pentadbir Tanah boleh menerima untuk pendaftaran apa-apa suratcara urusniaga yang menyentuh tanah itu atau memasukkan apa-apa kaveat persendirian di bawah Seksyen 322 atau apa-apa kaveat lain di bawah Seksyen 330 yang berkenaan dengannya sehingga catatan dalam dokumen hakmilik daftar sementara telah disahkan di bawah Sesyen 175F.

3. Mana-mana orang atau badan yang mempunyai kepentingan dalam tanah tersebut boleh memohon dalam masa tiga bulan darihal penerbitan dalam *Warta* notis ini kepada Pendaftar/Pentadbir Tanah dalam Borang 10E bahawa nama tuanpunya/mana-mana orang yang mempunyai kepentingan berdaftar atau kepentingan berdaftar atau kepentingan boleh daftar dimasukkan dalam dokumen hakmilik daftar sementara.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

2hb Feb. 2012]

97

-
4. Mana-mana orang atau badan yang mempunyai dokumen hakmilik keluaran hendaklah dalam masa tiga bulan tersebut menyerahkan kepada Pendaftar/ Pentadbir Tanah.

JADUAL

Daerah—Kuala Terengganu. Bandar—Kuala Terengganu. No. Lot—3822. Keterangan dan No. Hakmilik—GN. 9219. Petak—M1/1/1, M1/2/2, M1/3/3, M1/4/4, M1/4/5 dan M1/5/6. Luas—174 meter persegi, 146 meter persegi, 193 meter persegi, 96 meter persegi, 81 meter persegi dan 96 meter persegi.

Bertarikh 4 Januari 2012
[PTG. Tr. 05/41/1995/0003(34)]

WAN MOHD ANUAR BIN WAN ENDUT
b.p. Pendaftar Hakmilik
Terengganu

No. 51.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

(Seksyen 8)

PEMBATALAN

Warta Kerajaan Terengganu Bil. 306 bertarikh 31 Mac 2011 adalah dipinda dengan membatalkan sebahagian daripada lot-lot yang terlibat yang hendak diambil sebagaimana di dalam jadual berikut:

JADUAL

Mukim—Gelugur Raja. Daerah—Kuala Terengganu.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
				G.M.
517	485	Mandak binti Mat Amin K.P. 1125698 — 1/1 bhg.	0.0785	0.0785
1263	976	Majlis Agama Islam dan adat Melayu Terengganu (Baitulmal) — 1/6 bhg.	0.1163	0.1163
		Wook binti Awang Chik K.P. 360603-11-5026 — 5/6 bhg.		

Bertarikh 9 Januari 2012
[PTG. Tr. 05/62/2011/A/027;
PTK. Tr. 05/62/2010/K/005]

DATO' TUAN MAMAT BIN TUAN NGAH
Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

98

[2hb Feb. 2012]

No. 52.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tapak Masjid Kampung Kuala Kejir, Mukim Tanggol, Daerah Hulu Terengganu.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Mukim—Tanggol. Daerah—Hulu Terengganu.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Hektar	Hektar
5040	3940	Ismail @ Abu Bakar bin Mat Zin K/P. 3170742 — 1/1 bhg.	1.531	1.531
		Kampung Kuala Kejir 21700 Kuala Berang Hulu Terengganu		
			Jumlah	<u>1.531</u>
				<u>1.531</u>

Bertarikh 17 Januari 2012
[PTG. Tr. 03/62/2011/J/030;
PTHT.08/62/2010/J/001]

DATO' TUAN MAMAT BIN TUAN NGAH
Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

2hb Feb. 2012]

99

No. 53.

PEMBERITAHUAN LEWAT

(Perenggan 261(1)(c))

SAMAN

Di Pejabat Tanah, Kemaman dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

HSBC Bank Malaysia Berhad, Pemegang Gadaian.

DAN

Encik Rosmadi bin Abd. Aziz K/P. 700514-11-5217, Penggadai.

Kepada Encik Rosmadi bin Abd. Aziz yang beralamat di No. 15, Taman Geliga Indah, 24000, Kemaman, Terengganu.

AMBIL PERHATIAN, BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan kepada Pentadbir Tanah, Kemaman di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian tersebut akan diadakan pada 7 Februari 2012 (Selasa) pukul 9.00 pagi di Pejabat Tanah Kemaman. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan mengakibatkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara, 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Banggul. No. Lot—2019. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1359. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 3428/2001.

Bertarikh 5 Januari 2012
[PTK. 02/53/2011/0097]

NOR SOPHIA AZURA BINTI MOHD HUSIN
b.p. Pentadbir Tanah
Kemaman

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

100

[2hb Feb. 2012]

No. 54.

(Perenggan 261(1)(c))

SAMAN

Di Pejabat Tanah, Kemaman dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

RHB Bank Berhad, Pemegang Gadaian.

DAN

Mohd Rapi bin Hamili K/P. 800401-08-5291, Penggadai
Nazirah binti Mohamad Hassan
K/P. 720616-02-5616

Kepada Mohd Rapi bin Hamili dan Nazirah binti Mohamad Hassan yang beralamat di No. 849, Taman Geliga Permai, Jalan Kemaman — Kuantan, Kampung Paya Berenjut, 24000, Kemaman, Terengganu.

AMBIL PERHATIAN, BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan kepada Pentadbir Tanah, Kemaman di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian tersebut akan diadakan pada 7 Februari 2012 (Selasa) pukul 11.30 pagi di Pejabat Tanah Kemaman. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan mengakibatkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara, 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Banggul. No. Lot—885. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 215. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1852/2004.

Bertarikh 5 Januari 2012
[PTK. 02/53/2011/0078]

NOR SOPHIA AZURA BINTI MOHD HUSIN
b.p. Pentadbir Tanah
Kemaman

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

2hb Feb. 2012]

101

No. 55.

(Perenggan 261(1)(c))

SAMAN

Di Pejabat Tanah, Kemaman dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

Malayan Banking Berhad, Pemegang Gadaian.

DAN

Mohd Bakri bin Abdullah K/P. 740514-11-5037, Penggadai

Kepada Encik Mohd Bakri bin Abdullah yang beralamat di No. Lot 2723, Lorong Mengkuang 1, Jalan Mengkuang, Kampung Bukit Kuang, 24000, Kemaman, Terengganu.

AMBIL PERHATIAN, BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan kepada Pentadbir Tanah, Kemaman di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian tersebut akan diadakan pada 8 Februari 2012 (Rabu) pukul 9.00 pagi di Pejabat Tanah Kemaman. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan mengakibatkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara, 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—T. Kalung. No. Lot—2723. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1300. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2842/2001.

Bertarikh 5 Januari 2012
[PTK. 12/53/2011/0086]

NOR SOPHIA AZURA BINTI MOHD HUSIN
b.p. Pentadbir Tanah
Kemaman

Hak Cipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA